

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## 55 KES POSITIF:

## 6 TAPAK PEMBINAAN DI KEDAH DIARAH TUTUP

18 Ogos 2021

### PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN

Bahagian Penguatkuasaan CIDB Negeri Kedah telah menutup 6 Tapak Pembinaan Projek Perumahan di Sungai Petani, Kedah susulan dari tindakan penutupan tapak oleh Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Muda di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) berikutan **berlaku penularan kes positif COVID-19 di tapak pembinaan** berkenaan.

Terdapat 55 kes positif di dalam kawasan tersebut berpunca daripada pekerja warga asing. Projek tersebut didapati mempunyai kelulusan beroperasi MITI serta kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk penginapan pekerja.

#### **Tindakan:**

- Notis N2/2015 dan N3E/2021 dikeluarkan - TAPAK PROJEK DIARAHKAN TUTUP SERTA MERTA selaras dengan tindakan penutupan tapak di bawah Akta 342 Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Berjangkit oleh Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Muda.

### LATAR BELAKANG

Sebanyak 228 tapak pembinaan diarah tutup sejak 1 Jun 2021 sehingga 18 Ogos berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sebanyak 7,939 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 3,762 (47%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 4,177 (53%) tidak beroperasi.

Daripada 3,762 tapak yang beroperasi didapati 228 tapak pembinaan (6%) tidak mematuhi SOP dan diarahkan tutup, manakala 3,534 (94%) tapak lagi mematuhi SOP. Sejumlah 228 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 130 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 228 tapak pembinaan yang masih ditutup, sebanyak 56 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (51), Kuala Lumpur (26), Melaka (24), Johor (22), Sabah (13), Pahang (9), Pulau Pinang (7), Kedah (7), Negeri Perak (5), Sembilan (4) dan Terengganu (4).

Manakala 130 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Sarawak (39), Melaka (19), Selangor (18), Pulau Pinang (12), Perak (12), Terengganu (8), Kelantan (5), Negeri Sembilan (4), Perlis (3), Kuala Lumpur (3), Johor (2), Kedah (4) dan Sabah (1).

## **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard PPN** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi **CIDB Careline** di talian **03-5567 3300**.

**####**